



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**CARA BERFIKIR DI KALANGAN AWAL DEWASA: KAJIAN KES  
BERHUBUNG KONSEP ABSTRAK DAN KONKRIT**

**Nur Asmawati Binti Sabri**

QH  
371  
N974  
2010

**Sarjana Muda Sains dengan Kepujian  
(Sains Kognitif)  
2010**

**Pusat Khidmat Maklumat Akademik  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS**



**1000209908**

**CARA BERFIKIR DI KALANGAN AWAL DEWASA: KAJIAN KES BERHUBUNG  
KONSEP ABSTRAK DAN KONKRIT**

**NUR ASMAWATI BINTI SABRI**

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian  
(Sains Kognitif)**

**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**(2010)**

**Pengesahan Hasil Kerja Asal Pelajar**

**Pengesahan Pelajar**

Saya mengakui bahawa Projek Tahun Akhir bertajuk  
**“ Cara Berfikir Dikalangan Awal Dewasa: Kajian Kes Berhubung Konsep Abstrak  
dan Konkrit.”**

ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali  
nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang  
tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

19.5.10

(26 April 2010)



(Tandatangan Pelajar)  
Nur Asmawati binti Sabri  
20462

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Gred: A-

JUDUL : Cara Berfikir Di Kalangan Awal Dewasa :  
Kajian Kes Berhubung konsep Abstrak dan KonkretSESI PENGAJIAN : 2009/2010-2Saya NUR ASMAWATI BINTI SAMRI

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,  
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

\*\* sila tandakan ( ✓ )


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

870, Lot 2084, Kpg. Tunku

Jln. Tunku,

93050 Kuching


Tarikh: 19.5.10

Tarikh: 19.5.10

Catatan: \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.


Projek bertajuk 'Cara Berfikir Di Kalangan Awal Dewasa: Kajian Kes Berhubung Konsep Abstrak dan Konkrit' telah disediakan oleh Nur Asmawati Sabri dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Kognitif)

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Philip Nuli Anding)

Tarikh:



Gred A-
------------

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Syukur ke hadrat Ilahi, akhirnya saya dapat menyiapkan Projek Tahun Akhir ini dengan baik dan lancar.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih serta penghargaan kepada penyelia yang sangat saya hormati iaitu Encik Philip Nuli Anding di atas tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Sains Kognitif terutamanya barisan pensyarah, dan rakan seperjuangan saya, Nor Jannah Sahari kerana bekerjasama dalam menjalankan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada para responden yang terlibat kerana sudi memberikan kerjasama dalam membantu saya dalam kajian ini. Sepanjang menjalankan kajian ini, saya mendapat pengalaman yang sungguh bermakna.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ayahanda dan bonda serta keluarga yang menjadi pendorong utama kepada saya ketika menjalankan kajian ini. Berkat doa dan restu mereka, saya telah berjaya mengharungi segala dugaan dan halangan yang mendatang. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Nurul Shahidayani Binti Othman yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya.

Akhir sekali, sekalung penghargaan kepada semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghulurkan bantuan dan tunjuk ajar kepada saya. Jasa kalian tidak akan saya lupakan.

Sekian, terima kasih.

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>Penghargaan</b>	vi
<b>Jadual Kandungan</b>	vii
<b>Senarai Gambarajah</b>	xiv
<b>Senarai Jadual</b>	xviii
<b>Senarai Lampiran</b>	xix
<b>Abstrak</b>	xx
<i>Abstract</i>	xxi
<b>BAB 1           PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Kenyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Soalan-Soalan Kajian	6
1.5 Definisi Istilah	6
1.5.1 Makna	7
1.5.2 Konsep	7
1.5.3 Abstrak	7



1.5.4 Konkrit	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Limitasi Kajian	8
1.8 Kesimpulan	9
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>
2.0 Pengenalan	10
2.1 Cara Pemikiran	11
2.2 Makna	12
2.3 Konsep	15
2.4 Contoh Konsep	17
2.4.1 Konsep Ilmu	17
2.4.2 Konsep Cinta	18
2.4.3 Konsep Wang	18
2.4.4 Konsep Tomato	19
2.5 Umur	19
2.6 Model	21
2.7 Pendekatan Teori	21
2.7.1 Teori Pembelajaran Sosial Bandura	21
2.7.2 Teori Konstruktivisme	22
2.7.3 Teori Behaviurisme	22

2.7 Kesimpulan	23
----------------	----

### **BAB 3 METOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	24
3.1 Reka Bentuk Kajian	25
3.2 Pengumpulan Data	25
3.2.1 Perbualan	25
3.2.2 Perbualan secara semistruktur	26
3.2.3 Teknik rakaman audio	26
3.3 Lokasi Kajian	26
3.4 Populasi dan Persampelan Kajian	26
3.5 Prosedur Kajian	27
3.6 Penganalisaan Data	27
3.7 Kesimpulan	30

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	31
4.1 Dapatan Kajian	32
4.2 Latar Belakang Kajian	32
4.3 Analisis Data	32
4.3.1 Latar belakang Responden	32

4.3.2	Jadual transkrip perbualan responden	34
4.3.2.1	Konsep Ilmu	34
4.3.2.2	Konsep Cinta	37
4.3.2.3	Konsep Wang	39
4.3.2.4	Konsep Tomato	42
4.3.3	Cara Berfikir Konsep Abstrak	45
4.3.3.1	Konsep Ilmu R1	45
4.3.3.2	Konsep Ilmu R2	46
4.3.3.3	Konsep Ilmu R3	47
4.3.3.4	Konsep Ilmu R4	47
4.3.3.5	Konsep Ilmu R5	48
4.3.3.6	Konsep Ilmu R6	49
4.3.3.7	Konsep Ilmu R7	49
4.3.3.8	Konsep Ilmu R8	50
4.3.4	Cara Berfikir Konsep Abstrak	51
4.3.4.1	Konsep Cinta R1	51
4.3.4.2	Konsep Cinta R2	52
4.3.4.3	Konsep Cinta R3	52
4.3.4.4	Konsep Cinta R4	53
4.3.4.5	Konsep Cinta R5	53
4.3.4.6	Konsep Cinta R6	54

4.3.4.7	Konsep Cinta R7	54
4.3.4.8	Konsep Cinta R8	55
4.3.5	Cara berfikir Konsep Konkrit	56
4.3.5.1	Konsep Wang R1	56
4.3.5.2	Konsep Wang R2	56
4.3.5.3	Konsep Wang R3	57
4.3.5.4	Konsep Wang R4	57
4.3.5.5	Konsep Wang R5	58
4.3.5.6	Konsep Wang R6	59
4.3.5.7	Konsep WangR7	59
4.3.5.8	Konsep WangR8	60
4.3.6	Cara Berfikir Konsep Konkrit	60
4.3.6.1	Konsep Tomato R1	60
4.3.6.2	Konsep Tomato R2	61
4.3.6.3	Konsep Tomato R3	62
4.3.6.4	Konsep Tomato R4	62
4.3.6.5	Konsep Tomato R5	63
4.3.6.6	Konsep Tomato R6	63
4.3.6.7	Konsep Tomato R7	64
4.3.6.8	Konsep Tomato R8	64
4.4	Perbezaan dan Persamaan Reka Bentuk Model Cara Berfikir	66

4.4.1 Model Cara Pemikiran R1	66
4.4.2 Model Cara Pemikiran R2	66
4.4.3 Model Cara Pemikiran R3	66
4.4.4 Model Cara Pemikiran R4	67
4.4.5 Model Cara Pemikiran R5	67
4.4.6 Model Cara Pemikiran R6	67
4.4.7 Model Cara Pemikiran R7	68
4.4.8 Model Cara Pemikiran R8	68
4.4 Kesimpulan	68

## **BAB 5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

5.0 Pengenalan	69
5.1 Rumusan Penulisan Kajian	70
5.2 Implikasi Kajian	71
5.2.1 Pelajar	72
5.2.2 Pengkaji sendiri	72
5.3 Limitasi Kajian	72
5.3.1 Limitasi Masa	72
5.3.2 Limitasi Responden	73
5.3.3 Limitasi Sorotan kajian lepas	73

5.4	Cadangan	73
5.5	Kesimpulan	74
	Bibliografi	75
	Lampiran	80

## SENARAI GAMBARAJAH

<b>Gambarajah 1</b>	
3.6.3.1 Contoh Reka Bentuk Model Konsep	30
<b>Gambarajah 2</b>	
Model Konsep Ilmu R1	45
<b>Gambarajah 3</b>	
Model Konsep Ilmu R2	46
<b>Gambarajah 4</b>	
Model Konsep Ilmu R3	47
<b>Gambarajah 5</b>	
Model Konsep Ilmu R4	47
<b>Gambarajah 6</b>	
Model Konsep Ilmu R5	48
<b>Gambarajah 7</b>	
Model Konsep Ilmu R6	48
<b>Gambarajah 8</b>	
Model Konsep Ilmu R7	49
<b>Gambarajah 9</b>	
Model Konsep Ilmu R8	50

<b>Gambarajah 10</b>	
Model Konsep Cinta R1	51
<b>Gambarajah 11</b>	
Model Konsep Cinta R2	51
<b>Gambarajah 12</b>	
Model Konsep Cinta R3	52
<b>Gambarajah 13</b>	
Model Konsep Cinta R4	53
<b>Gambarajah 14</b>	
Model Konsep Cinta R5	53
<b>Gambarajah 15</b>	
Model Konsep Cinta R6	54
<b>Gambarajah 16</b>	
Model Konsep Cinta R7	54
<b>Gambarajah 17</b>	
Model Konsep Cinta R8	55
<b>Gambarajah 18</b>	
Model Konsep Wang R1	56
<b>Gambarajah 19</b>	
Model Konsep Wang R2	56
<b>Gambarajah 20</b>	



Model Konsep Wang R3	57
<b>Gambarajah 21</b>	
Model Konsep Wang R4	57
<b>Gambarajah 22</b>	
Model Konsep Wang R5	58
<b>Gambarajah 23</b>	
Model Konsep Wang R6	59
<b>Gambarajah 24</b>	
Model Konsep Wang R7	59
<b>Gambarajah 25</b>	
Model Konsep Wang R8	60
<b>Gambarajah 26</b>	
Model Konsep Tomato R1	60
<b>Gambarajah 27</b>	
Model Konsep Tomato R2	61
<b>Gambarajah 28</b>	
Model Konsep Tomato R3	62
<b>Gambarajah 29</b>	
Model Konsep Tomato R4	62
<b>Gambarajah 30</b>	
Model Konsep Tomato R5	63

**Gambarajah 31**

Model Konsep Tomato R6 63

**Gambarajah 32**

Model Konsep Tomato R7 64

**Gambarajah 33**

Model Konsep Tomato R8 64

## SENARAI JADUAL

### **Jadual 2.5.1**

Jadual *Levinson's stages Adulthood* 20

### **Jadual 3.6.1**

Contoh jadual trankripsi data 28

### **Jadual 3.6.2**

Pengkodan Data 29

### **Jadual 4.3.2.1**

Konsep Ilmu 34

### **Jadual 4.3.2.2**

Konsep Cinta 37

### **Jadual 4.3.2.3**

Konsep Wang 39

### **Jadual 4.3.2.4**

Konsep Tomato 42

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **Lampiran 1**

Borang Pemberitahuan dan Persetujuan Sesi Temubual 80

### **Lampiran 2**

Transkrip Perbualan 82

### **Lampiran 3**

Contoh Reka bentuk Model konsep 87

## **Abstrak**

### **CARA BERFIKIR DI KALANGAN AWAL DEWASA: KAJIAN KES BERHUBUNG DENGAN KONSEP ABSTRAK DAN KONKRIT**

Nur Asmawati Binti Sabri

Kajian kes ini dijalankan untuk mengetahui cara berfikir di kalangan awal dewasa berhubung konsep abstrak dan konkrit. Persoalan yang perlu dijawab adalah mengetahui bagaimana responden cara berfikir tentang konsep konkrit, mengetahui bagaimana cara responden berfikir tentang konsep abstrak, mengetahui bagaimana cara setiap responden berfikir tentang konsep abstrak dan konkrit dan mengetahui tentang perbezaan dan persamaan cara berfikir setiap responden tentang konsep abstrak dan konkrit berdasarkan reka bentuk model cara berfikir yang diperolehi. Seramai lapan orang responden dipilih secara rawak sebagai populasi kajian. Metodologi yang digunakan adalah kualitatif dan data yang dikumpulkan menggunakan data primer dan data sekunder. Penganalisan data mengikut tiga bahagian iaitu pembersihan data, memahami data dan perhasilan kategori analitikal dan konsep. Hasil kajian menunjukkan terdapat reka model baru yang mewakili orang tertentu berfikir berhubung dengan konsep abstrak dan konkrit.

## ***Abstract***

### ***HOW PEOPLE THINK AMONG YOUNG ADULT: CASE STUDY RELATE TO ABSTRACT AND CONCRETE CONCEPTS.***

**Nur Asmawati binti Sabri**

*The purpose of the research is to understanding how young adult think about abstract and concrete concepts. This study was conducted in Kuching. The objectives of this study are to identify the way people think about concrete concepts, abstract concepts, differences and similarity between abstract and concrete concepts be based on models that represent the way people think. Eight respondents were selected for this study. The methodology of this study is qualitative in nature. The data for this study include primary data and secondary data, while data analysis involved three step processes which are data cleaning, data understanding and the outcome of analytical category or concept. This study resulted in the development model that represents the way people think regarding abstract and concrete concepts.*

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bab ini mengandungi lapan bahagian. Dalam bahagian pertama diterangkan tentang latar belakang kajian, bahagian kedua ialah kenyataan masalah, dalam bahagian ketiga pula saya membincangkan tentang objektif kajian iaitu objektif kajian umum. Seterusnya bahagian yang keempat iaitu persoalan tentang kajian yang dijalankan, dalam bahagian kelima pula merangkumi definisi istilah, manakala bahagian keenam menerangkan kepentingan kajian. Bahagian ketujuh melibatkan limitasi kajian dan akhir sekali menerangkan kesimpulan kajian.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut kajian Mezirow (1990) mentakrif dan mendefinisikan sesuatu maksud konsep adalah penting bagi setiap manusia kerana untuk mengetahui maksud sesuatu perkara dan untuk mengelakkan penipuan sesuatu perkara. Jika kita tidak tahu mengenai maksud konsep tersebut, diibaratkan kita seperti ketinggalan zaman, tidak prihatin tentang sesuatu perkara, malahan juga kita tidak berupaya membayangkan rupa bentuk perkara tersebut untuk mengetahui maksud sebenar sesuatu konsep tersebut.

Konsep ialah sesuatu pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu. Menurut Rakison (2003), konsep adalah kategori kumpulan perkataan yang lebih abstrak, yang tidak diperhatikan sebagai contoh yang boleh disokong ataupun yang boleh direka. Di dalam kajian saya ini, saya ingin mengkaji cara berfikir mengenai konsep abstrak dan konkrit di kalangan individu yang berumur 17 tahun hingga 28 tahun. Menerusi penerokaan ini, saya boleh mengetahui bagaimana cara seseorang individu itu berfikir dan mentafsirkan setiap konsep tersebut berdasarkan pandangan dan pengetahuan seseorang individu tersebut.

Dalam kajian Mezirow (1990), beliau menyatakan bahawa ketiadaan konsep juga boleh menyebabkan kehidupan juga boleh menjadi kacau bilau. Hal ini kerana tanpa konsep kita akan menjadi keliru untuk menyatakan sesuatu. Dengan wujudnya konsep tersebut, kita akan lebih mengenali sesuatu makna perkataan dengan lebih baik.

Seterusnya, menurut kajian Mandler (1992), beliau menyatakan cara seseorang individu itu berfikir adalah berbeza. Menurut beliau semasa bayi lagi makna konsep telah berkembang dengan meluas dan terdapat perkongsian makna konsep tersebut. Contohnya apabila seorang ibu memberikan susu kepada bayinya, kemungkinan individu yang berfikir ia adalah susu badan atau susu botol. Ini menunjukkan terdapat perbezaan pandangan di situ. Kenyataan ini turut disokong dalam kajian (Geirsson, 1996), yang menyatakan bahawa selain melihat makna asal sesuatu perkataan, terdapat juga perbezaan dalam situasi yang sedang berlaku. Oleh yang demikian, dalam kajian ini saya boleh melihat perbezaan